Pematuhan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities

1. Beli Balik Saham
   Syarikat tiada membeli balik saham-sahamnya dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

2. Kontrak Material
   Tiada kontrak penting (bukan kontrak yang diikat dalam urusan perniagaan biasa) diikat oleh Kumpulan yang melibatkan pengarah dan pemegang saham, sama ada masih ada pada penghujung tahun kewangan atau diikat sejak penghujung tahun kewangan sebelumnya.

3. American depository Receipt ("AdR") atau Global depository Receipt ("GdR")
   Syarikat tiada menaja program ADR atau GDR dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

4. Sekatan dan/atau Penalti
   Tiada sekatan dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat, pengarah atau pengurusan oleh badan pengawalaturan berkenaan dalam tahun kewangan.

5. Jaminan Untung
   Dalam tahun kewangan, tiada jaminan keuntungan diberikan oleh Syarikat.

6. Polisi Penilaian Semula
   Syarkat tidak menilai semula hartanahnya dan oleh yang demikian belum menggunakan apa-apa dasar penilaian semula pada tarikh laporan ini dikeluarkan.

7. Penggunaan Sumber dari Cadangan Korporat
   Dalam tahun kewangan, tiada sumber yang diperolehi oleh Syarikat daripada cadangan-cadangan korporatnya.

8. Opsyen dan Sekuriti Bolehubah
   Setakat 31 Mac 2011, tiada opsyen atau sekuriti bolehubah yang belum dijelaskan.

9. Perubahan dalam Keputusan
   Syarikat tiada menerbitkan sebarang anggaran atau ramalan keuntungan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

10. Transaksi Pendapatan atau Dagangan Pihak Berkait Berulang
    Menurut para 10.09(2)(b), Bahagian E, Bab 10 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, butiran transaksi pihak berkait berulang yang dijalankan dengan Pihak Berkait dan subsidiari serta syarikat bersekutunya, yang berkenaan, dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 menurut Mandat Pemegang Saham telah disenaraikan dalam jadual seperti di bawah.

Butiran Transaksi Pihak Berkait Berulang dalam Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2011 Menurut Mandat Pemegang Saham

Pihak Berkait	Jenis Transaksi	Nilai Sebenar (RM'000)	Hubungan dengan Syarikat
Amcorp Group Berhad	Peruntukan dan penjualan perisian dan perkakasan komputer serta perkhidmatan berkenaan IT[1] termasuk peruntukan perkakasan lampu	9,462	Syarikat di mana Pengarah dan pemegang saham utama dianggap mempunyai kepentingan
	Peruntukan urusan perjalanan	3,606	
	Peruntukan perkhidmatan restoran dan hospitaliti	241	
	Peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan penghawa dingin	0	
Unigaya Protection Systems Sdn Bhd Group	Peruntukan perkhidmatan keselamatan termasuk pengawal beruniform dan tidak beruniform serta keselamatan penghantaran wang tunai	75	
Modular Corp (M) Sdn Bhd Group	Peruntukan perkhidmatan kad elektronik berteknologi	556	
Australia and New Zealand Banking Group Limited	Peruntukan perkhidmatan teknikal, keupayaan sistem teknikal, keupayaan penjualan dan produk pertukaran asing, kadar faedah dan terbitan komoditi perniagaan[2]	4,613	
Cuscapi Berhad	Peruntukan perkhidmatan penyelesaian sistem teknologi berintegrasi	28	

Nota:

1. Perkhidmatan khidmat nasihat IT terdiri dari, tetapi tidak terhad kepada, perkhidmatan berikut:
   (a) rekabentuk, pembangunan dan penyesuaian perisian;
   (b) integrasi, pemasangan, perlaksanaan, ujian dan penyediaan perisian sistem;
   (c) peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan dan menaik taraf rangka utama sedia ada berkaitan penggunaan dan sistem;
   (d) pembangunan, pengoptimuman dan perlaksanaan laman web; dan
   (e) peruntukan perkhidmatan pengurusan projek.

2. Peruntukan perkhidmatan teknikal termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkhidmatan berikut:
   (a) kepimpinan strategik perniagaan, pengalaman dan kepakaran;
   (b) peminjaman sumber utama dari ANZ kepada AmBank;
   (c) keupayaan teknologi dan sistem;
   (d) pertukaran asing, kadar faedah dan terbitan komoditi perniagaan dan penyelesaian/produk jualan;
   (e) platform pengedaran dan dokumentasi proses;
   (f) peralatan pengurusan risiko pasaran, model, proses, prosedur dan polisi;
   (g) proses dan peralatan pengurusan kredit dan risiko;
   (h) berpengalaman dan pakar dalam transformasi perniagaan antarabangsa; dan
   (i) keupayaan penyelidikan global.